

SUMBANGAN KARYA ULAMA PROLIFIK PEHIN SIRAJA KHATIB ABDUL RAZAK BIN HASANUDDIN: ASAS PENGETAHUAN ISLAM BAGI MASYARAKAT BRUNEI

CONTRIBUTION OF PROLIFIC MUSLIM'S SCHOLAR PEHIN SIRAJA KHATIB ABDUL RAZAK BIN HASANUDDIN: BASIC ISLAMIC EDUCATION FOR BRUNEI'S COMMUNITY

Norhayati Haji Abd Karim¹

¹Faculty of Arabic Language, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam,
E-mail: norhayati.abdkarim@unissa.edu.bn

Accepted date: 30-10-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: N. H Abd Karim (2019). *Sumbangan Karya Ulama Prolifrik Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin: Sumber Pengetahuan Masyarakat Brunei (JOIRC)*, 2(5), 44 - 52.

Abstrak: Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin merupakan pengarang prolifrik yang giat menghasilkan karya penulisan dalam bidang pengajian Islam di Brunei Darussalam. Selaku Kadi Brunei sejak pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II di awal kurun ke duapuluh, beliau diiktiraf sebagai Ulama Brunei yang merupakan salah seorang pengiat da'wah tanah air dalam perkembangan pendidikan Islam di Brunei terutama sekali di Kampong Ayer. Objektif kajian ini adalah untuk mengetengahkan hasil penulisan beliau dalam pendidikan Islam yang beliau terapkan di Balai iaitu tempat pengajian ugama Islam bagi penduduk Brunei yang menetap di Sungai Brunei suatu ketika dahulu terutama sekali dalam bidang tauhid dan munakahat serta karya syair beliau bertajuk *Shaer Yang di-Pertuan* yang telah diterbitkan oleh pihak Muzium Brunei sebagai bahan kajian utama penulis. Kehebatan beliau dalam dunia penulisan menarik perhatian penulis untuk membuat kajian mengenainya kerana beliau satu-satunya Ulama Brunei yang mampu mendokumentasikan mengenai Brunei di bawah pemerintahan Residen British dalam bentuk syair serta berjaya menghasilkan buku teks pendidikan Islam bagi rakyat tempatan Brunei ketika itu. Disamping itu juga, karya beliau dalam pengajian Islam ini masih dalam bentuk manuskrip yang sempat disalin dalam bentuk tulisan jawi. Adapun sumbangan beliau dalam aspek sejarah juga jarang diperbincangkan secara meluas memandangkan beliau melaporkannya dalam bentuk syair loghat Brunei klasik tulisan jawi dan ditransliterasikan dalam tulisan rumi oleh pihak Muzium Brunei bagi penerbitannya. Untuk mencapai objektif ini, penulis menggunakan konsep *Melayu Islam Beraja* sebagai sandaran untuk menganalisis karya beliau sebagai satu kajian awal memandangkan karya beliau yang sampai kepada generasi masyarakat sekarang adalah merupakan salinan semata-mata yang sempat disalin oleh anak murid sebelum karya asli beliau musnah dalam kebakaran semasa pendudukan Jepun di Brunei pada tahun 1941-1945. Hasil daripada kajian ini, secara tidak langsung dapatlah mengetahui perkembangan serta memperkenalkan buku teks dalam pendidikan Islam yang dihasilkan oleh anak tempatan Brunei sendiri selain

daripada kitab-kitab turath yang didatangkan daripada luar negeri sebagai satu inisiatif terbesar ulama dalam menyampaikan asas pengetahuan Islam yang mudah dan sesuai diterima oleh masyarakat tempatan Melayu Brunei sebelum peralihan pendidikan wajib dilaksanakan di sekolah-sekolah semasa di bawah Residen British.

Kata Kunci: *Balai, Prolifik, Melayu Islam Beraja, Syair, Ulama*

Abstract: *Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin was the prolific's writer who contributed his writing in Islamic studies in Brunei Darussalam. As a Kadi of Brunei since the reign of Sultan Muhammad Jamalul Alam II in the early centuries of the twenties, he was recognized as Muslim scholar of Brunei in Islamic education especially in Kampong Ayer. The objective of this study was to introduce his Islamic textbooks especially in the area of Tauhid and Munakahat as his teaching subject at Balai and Shaer Yang Di-Petuan as the main material subject. Fortunately, his stunning performances in writing showed his capability amongs Brunei Islamic scholars who can documented Brunei history under the reign of the British resident in the form of Classic Poet excellently and successfully produced basic Islamic Education Textbooks for the local people of Brunei. Although his work in Islamic studies was just a copy, it still in the form of Jawi's manuscript. Furthermore, his poet already published by Brunei's museum but rarely discussed among researchers nowadays as his poet was classified as Malay Brunei's dialect and translated in Malay Roman. To achieve this goal, the author used the concept of Malay Islamic Monarchy to analyse his work as a preliminary achievement for his next generation before his originality hand's writing destroyed during the Japanese Occupation in Brunei 1941-1945. Finally, his works can be used as premier reference especially in Islamic education who was creatively produced textbook for Bruneian people along with International Islamic Book called as Kitab Turath. His outrages initiative in delivering basic Islamic knowledgeable can be understand among the people at that time before they adapted compulsory education in current schools during the British Resident reign*

Keywords: *(Balai, Prolific, Malay Islamic Monarchy, Syair, Islamic Scholar (Ulama)*

Pengenalan

Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin merupakan Ulama yang berkaliber dalam bidang pengajian Islam sehingga dilantik untuk menjawat beberapa jawatan tertinggi di Brunei Darussalam pada ketika itu antaranya Imam (Awang Ahmad, 1989), Qadhi dan Pehin Khatib (Simat Angas, Suhaili Hassan. Ismail Ibrahim, 1992) mahupun dalam mendokumentasikan perkembangan serta peristiwa penting yang berlaku sewaktu pemerintahan Residen British di Brunei Darussalam (Metussin Omar, 2003). Beliau diiktiraf sebagai penulis prolifik (Shaer Yang di-Pertuan, 1979) kerana menghasilkan karya dalam bentuk manuskrip dan disalin oleh anak murid beliau dan diantaranya Awang Haji Damit bin Sulaiman yang sempat menyalin karya dalam bentuk syair bermula pada 4hb April 1941. Menurut PM Dato Shariffuddin dalam buku monograph Shaer Yang Di-Pertuan menjelaskan bahawa hasil daripada penyalin tempatan dalam karya yang dihasilkan oleh ulama berkenaan membantu masyarakat penduduk tempatan celik ilmu dan memberikan ruang kepada masyarakat terutama golongan perempuan tempatan (Shaer Yang di-Pertuan, 1979) dalam mengenalnya. Ini kerana pengajian Islam yang diajarkan selain di sekolah ugama iaitu di Balai membataskan golongan perempuan untuk mengikuti pengajian berbanding golongan lelaki. (Yahya Ibrahim, 2000).

Karya berbentuk buku teks pengajian yang beliau hasilkan merupakan asas panduan pendidikan Islam bagi masyarakat Brunei terutama sekali yang menetap di Kampong Ayer. Beliau telah menghasilkan dua buku kitab iaitu **Kitab Risalah Yang Kecil Bagi Mengetahui Usuluddin** serta **Kaifiyah Bernikah-Nikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baharu Belajar**. Kedua kitab ini menurut Awang bin Ahmad, mantan penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka menjelaskan bahawa kedua kitab ini ditulis pada 1 Ogos 1936. Sebenarnya kitab-kitab ini dimuatkan di dalam satu buku tetapi dibincangkan dalam bab yang berasingan. (Awang Ahmad, 1989). Karya seterusnya yang dikupas oleh penulis dalam bidang syair adalah **Shaer Yang Di-Pertuan** yang diterbitkan oleh pihak Muzium Brunei sempena menyambut Ma'al Hijrah 1400 di Brunei Darussalam. Nama gelaran beliau dalam dunia kesusasteraan dipanggil sebagai Abdul Fatah dan menghasilkan lebih 5 buah shaer antaranya: Syair Yang Di-Pertuan (melawat ke Labuan), Syair Yang Di-Pertuan (Berpuspa), Syair Yang Di-Pertuan (ke Singapura), Syair Ahmad Tajuddin, Syair Awang Alak, Syair Pulau Berambang, Syair Rajang Dagang, Syair Rajang Berahi. Yang mana kesemua karya tulisan asli beliau tidak dapat diselamatkan atas sebab kebakaran yang berlaku di rumah beliau ketika pendudukan Jepun di Brunei pada tahun 1941-1945.

Di dalam buku monograph ini iaitu Shaer Yang Di-Pertuan tidak menyenaraikan buku teks pengajian Pehin Siraja Khatib Abdul Razak tetapi lebih kepada syair sahaja. Ini berkemungkinan penyalin karya beliau iaitu Awang Damit bin Sulaiman lebih memfokuskan kepada syairnya semata-mata. Dengan berpandukan maklumat yang terdapat di dalam buku ini serta buku Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam sebagai rujukan umum masyarakat Brunei menyebabkan karya beliau dalam teks pengajian Islam tercicir tidak siapa yang mengetahui mengenainya kecuali penyelidik yang fokus yang mengkaji mengenai manuskrip Brunei lebih mengetahui akan kewujudan karya ulama berkenaan berbanding generasi sekarang ini.

Oleh sebab itulah, memandangkan penulis telah menjumpai karya pengajian Islam ini daripada penduduk tempatan hasil daripada wawancara dengan keluarga Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Hassan yang pernah menetap di Kampung Sungai Kedayan B, secara kebetulan penulis menemukan sebuah naskah manuskrip hasil tulisan tangan Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Hassan di dalam buku latihan sekolah bersaiz A5. Dalam naskah manuskrip yang dijumpai itu ada mengandungi dua kitab karangan Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin. Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Hassan mula-mula menyalin Kitab Risalah Yang Kecil Bagi Orang Yang Baharu Belajar dan selesai menyalin pada 31 Decimber 1947 dan Kitab Kaifiyah Bernikah-Nikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baharu Belajar yang selesai disalin pada 7 Januari 1950.

Dari sumbangan beliau dalam dunia penulisan melakar nama beliau diantara penulis tempatan yang giat menghasilkan karya bagi kepentingan masyarakat Brunei pada masa itu yang masih ingin mendalami dan memahami bidang ugama terutama sekali hal yang berkaitan dengan akidah dan fiqh serta keutamaan beliau dalam membahaskan Institusi Beraja dan perkembangan di Brunei sewaktu di bawah tadahan Residen British merupakan kebitaraan Ulama Brunei selaku pelapor tanah air sepertimana yang tercatat di dalam buku laporan Brunei 1904 yang ditulis oleh Residen British mengenai Brunei pada ketika itu.

Definisi

Balai: menurut masyarakat Melayu Brunei terapat empat pengertian mengenai Balai iaitu tempat menyimpan peralatan menangkap ikan seperti balat, tugu, jala.. Balai juga merupakan tempat melakukan perusahanan atau pekerjaan seperti menjalin balat, bertukang perahu, ketiga tempat belajar seni silat an terakhir tempat belajar agama, hadrah, sembahyang, berjemaah dan bertadarus. Kaedah yang diterapkan di Balai berkenaan dalam bentuk halaqah mahupun talaqqi (Masuriyati Yahaya, Che arina Sa'ari, 2015)

Prolifik: yang banyak menghasilkan karya penulisan yang banyak. Ulama Brunei berkenaan dipanggil sebagai prolific memandangkan sumbangannya dalam bidang penulisan semasa zaman beliau berbanding penulis/pengarang lain yang seangkatan dengan beliau.

Melayu Islam Beraja: merupakan falsafah Brunei yang diamalkan serta dibudayakan dalam kehidupan masyarakat Brunei. Falsafah ini secara resminya diisytiharkan sempena hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 Masehi bersamaan dengan 27 Rabiulawal 1404 melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam:

“... Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah wal Jam'ah..”

Kajian Literatur

Karya beliau ini pernah dibangkitkan dalam oleh dua orang pembentang iaitu Awang bin Ahmad bertajuk Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-Tokoh Ugama Masa Lalu semasa Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu pada 1-5 Jun 1989 ajuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pertubuhan Persidangan Penyelidikan Kesenian dan Kebudayaan Islam yang menyentuh mengenai karya ulama Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin secara umum sahaja. Akan tetapi penulis disini menghuraikan sedikit kandungan yang terdapat di dalam Kitab beliau yang memfokuskan kepada sifat dua puluh sebagai contoh serta menyentuh mengenai penyampaian beliau dalam menyampaikan bab akidah dengan penerangan yang mudah ringkas yang boleh diterima oleh masyarakat Brunei ketika itu. Ini termasuklah penjelasan beliau dalam bab nikah yang beliau selitkan selepas menerangkan perisian pemantapan akidah.

Artikel seterusnya merupakan pembentangan berkaitan Shaer Yang Di-Pertuan semasa Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu pada 12-14 Ogos 2003 yang disampaikan oleh Dato Paduka Haji Matussin bin Omar dalam tajuk Syair Yang Di-Pertuan: Pancaran Sekilas Pandang Sosio Budaya Brunei. Dari artikel ini, pembentang tersebut menjelaskan mengenai makna di sebalik syair berkenaan secara umum. Akan tetapi dalam artikel ini penulis lebih memfokuskan kepada penulisan beliau yang memertabatkan Adat Resam Brunei dalam pelbagai aspek seperti memertabatkan jati diri orang Brunei sebagai salah satu calak atau identiti orang Brunei yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja dalam kehidupan bermasyarakat dan bermajmuk.

Seterusnya setentunya manuskrip yang disadur/disalin oleh penduduk tempatan sebagai buku rujukan utama iaitu Kitab Risalah Yang Kecil Bagi Orang Yang Baharu Belajar dan Kitab Kaifiyah Bernikah-Nikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baharu Belajar serta buku monograph Shaer Yang Di-Pertuan.

Kitab Pengajian Islam bagi masyarakat Brunei

Mengikuti wawancara Awang Bin Ahmad dengan beberapa orang anak didik Pehin Siraja Khatib ada menjelaskan mengenai cara pembelajaran Pehin Siraja Khatib di balai. Dalam menyampaikan ilmu pendidikan Islam ini, Pehin Siraja Khatib menggunakan sesi dialog soal jawab mengenai Islam kepada anak muridnya. Sepertimana yang beliau nukilkan di dalam Kitab Risalah yang kecil bagi mengetahui Ilmu Usuluddin. Kitab berkenaan menggunakan pen dakwat berwarna pen manakala subtopiknya menggunakan pen dakwat berwarna merah memudahkan lagi bacaan kepada pembacanya. Kitab ini membicarakan mengenai sifat Allah yang 20, sifat Rasul, beriman kepada Malaikat, beriman kepada Kitab-Kitab Allah, beriman kepada hari Akhirat serta beriman kepada Rukun Syahadah.

Seperti contoh, beliau membahaskan sifat 20 bagi Allah Ta'ala dengan secara ringkas sahaja sebelum menerangkannya secara terperinci. Seperti contoh sifat Allah Taala iaitu Wujud seperti berikut:

Wujud ertinya ada lawannya tiada. Wajib Allah Ta'ala ada. Mustahil ia tiada. Tanda Allah Ta'ala ada, diambil di dalam dalil aqli: baharu. 'Alim soal makna baharu itu berubah-ubah daripada tiada kepada ada dan daripada ada kepada tiada.

Maka yang mengadakan dan meniadakan Allah Ta'ala bersifat wujud. Kerana jika Allah Ta'ala tiada maujud nescaya alam ini tiada juga maujud. Bermula alam ini sabit adanya maka tetaplah Allah Ta'ala bersifat wujud. Adapun dalil naqli diambil di dalam Quran:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا -سورة السجدة (الآية: 4)

Ertinya telah menjadikan oleh Allah Ta'ala akan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi barangsiapa antara keduanya

Menurut pengamatan penulis, Cara beliau membahaskan bab sifat 20 bagi Allah itu terlebih dahulu beliau menarik perhatian anak muridnya dengan menghuraikan sifat 20 dengan mudah dengan menghadirkan sifat lawannya terlebih dahulu agar visual/gambarannya jelas pada minda pembacanya. Seterusnya apabila sudah tergambar akan sifat lawannya, Beliau menerangkan lagi dengan bahasanya tersendiri dengan membicarakannya dengan dialog sesi soal jawab. Supaya anak muridnya berfikir dan memahami apa yang beliau cuba sampaikan serta menghafalkannya pada waktu yang sama.

Intrepretasi ayat al-Quran berkenaan juga dengan menterjemahkan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi juga menarik perhatian penuntutnya malah pengkaji sendiri. Dengan mubalaghah yang disampaikan menggambarkan langit mempunyai 7 tingkat dan bumi mempunyai 7 lapisan juga secara tidak langsung penyampaian beliau dengan menggunakan bahasa yang indah memberikan suatu aura yang kuat untuk menarik perhatian pelajarannya untuk tekun mendengar apa yang beliau hendak sampaikan

Kitab seterusnya adalah **Kaifiyah Bernikah-nikahan supaya mudah bagi orang yang baharu belajar**. Mengandungi 23 mukasurat sepertimana yang disalin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Hassan.

Dimulakan dengan bismillah dan diteruskan dengan penerangan ringkas mengenai bab nikah yang didahului dengan syarat memandang perempuan sebelum nikah seperti berikut: Dibenarkan oleh syarak tujuh sebab harus memandang perempuan yang ‘ilah:

- *pertama sebab hendak diambil akan isteri*
- *kedua sebab baik saksi atasnya*
- *ketiga sebab perniagaan atau barang sebagainya.*
- *keempat sebab hendak menebus abdi*
- *kelima sebab hendak mengajar mengaji*
- *keenam sebab hendak mengubati*
- *ketujuh sebab bicara mahkamah hakim atasnya*

Diakhiri kitab ini dengan perkara yang ke 29. Adapun ‘iddah perempuan abdi separuh ‘iddah perempuan merdeka juga jika bunting hingga kelahiran anaknya juga.

Adapun rukun nikah ada 6 perkara:

- *zauj iaitu laki-laki*
- *zaujiah iaitu perempuan*
- *wali iaitu walinya*
- *syahidan iaitu dua saksi*
- *ijab ertinya aku nikahkan*
- *qabul ertinya aku terima nikahnya*

Apa yang menariknya setiap pencerahan mengenai setiap perkara, Pehin Siraja Khatib sediakan dalam bentuk rajah. Memudahkan kepada pelajarinya menghafal dan mengingat. Ianya Bukuasas penting yang wajib bagi pasangan yang hendak mendirikan rumahtangga.

Shaer Yang Di-Pertuan

Buku Shaer ini diterbitkan bersempena memperingati kedatangan tahun hijrah 1400, yang dikeluarkan oleh Muzium Brunei pada tahun 1979. Ianya dihasilkan dalam bentuk monograph Jurnal Muzium. Syair sejarah ini dikarang pada hari Isnin, 15 Rabiul Akhir 1340H/ 4 Disember 1920, jam 7 pagi. Bait syair ini mengandungi kira-kira 1022 rangkap dan dihasilkan dalam tulisan jawi sekaligus ditransliterasikan dalam bahasa Rumi.

Baitnya dimulakan dengan:

*Hijratan Nabi Junjongan kita
Empat puloh satu lagi berserta
Bersamaan dengan hijratun Masehi
Dua puloh dua lagi di-kaseh
Rabiul Akhir lima belas hari
Empat Disember sudah berdiri*

*Saribu tiga Ratus bilangan nyata
Jumlah hitongan segala pendeta
Seribu sembilan ratus jauh seliseh
Hitongan Padri yang amat faseh
Yau mil Isnin kalam berlari
Gutika besok bukannya sari*

Diakhir dengan:

*Habislah pesan dagang mengarang
Wallau a’alam sempurna tarang*

*Hatamlah shaer lebih dari kurang
Kalam dan dakwat sudah terlarang*

dan membuat persiapan besar-besaran dengan penuh adat istiadat diraja sepertimana layaknya majlis perpuspaan sesuai dengan kedudukan Putera Mahkota Wales:

Residen wazir dengan mufakat *Prince of Wales datangnya dakat*
Kerana-nya raja yang besar pangkat *Dengan kebesaran patut di-angkat*

Mengikut apa yang diperkirakan di dalam buku ini menjelaskan keseluruhan suasana menyambut kedatangan Putera Mahkota Wales dengan penuh Adat Istiadat Diraja dilengkapi dengan Alat Kebesarannya seperti Tumbak, Sinipit, Pedang, Taming, Bendera, Perisai Pedang dan lain-lain lagi. Bukan itu sahaja Upacara ini diiringi dengan alunan muzik Adat Istiadat Diraja seperti membuka gendang berjaga-jaga.

Sewaktu ketibaan Putera Mahkota Wales pada 19 Mei 1922, tembakan bedil sebanyak 12 das tembakan kedengaran menandakan ketibaan rombongan Diraja sudah sampai di perairan Sungai Brunei.

Berdiam diri sekalian orang *Lalai terchengang di-tengah tarang*
Satu lusin bedil berbunyi *Gagit gempita tiadalah sunyi*

Ketibaan Putera berkenaan disambut girang oleh Baginda Sultan sendiri serta Tuan Mc Arthur dan rakyat jelata di Jambatan Kastam pada jam 1 petang. Lalu Baginda dan Putera berkenaan dijunjung menaiki usungan masing-masing untuk diarak di keliling bandar menuju ke Lapau.

Penutup

Karya Pehin Khatib Abdul Razak merupakan sumber nadir Brunei kerana ianya terkandung mengenai pentadbiran, diplomasi, pendidikan, kebudayaan, adat Istiadat Diraja dan pelbagai bidang. Namun karya beliau yang diajarkan di balai sudah jauh terpisah daripada masyarakat generasi sekarang memandangkan tiada yang membicarakan atau menyelidiki secara mendalam. Dengan adanya penyelidikan mengenai Ulama Melayu di Nusantara yang difokuskan ke atas Brunei secara tidak langsung memberikan ruang dan peluang kepada pengkaji menyingkap dan mengali karya-karya Ulama Brunei yang disimpan rapi di Muzium dan Pusat Sejarah Brunei dan di beberapa tempat institusi yang menyimpan manuskrip yang belum dikaji sebelum ini. Serta dengan wawancara bersama penduduk tempatan yang berkaitan dengan tajuk ini secara tidak langsung membongkar khazanah peninggalan ulama berkenaan. Adapun mengenai syair yang beliau hasilkan sebenarnya memberi gambaran yang murni kepada kita akan kehidupan rakyat Brunei semasa di bawah Residen British. Walaupun dalam pentadbiran negara kekuasaan Sultan sangatlah terbatas, akan tetapi pentadbiran Kerajaan Tradisional yang berkaitan dengan Adat Istiadat Diraja tidak membataskan kekuasaan Sultan sebagai Raja yang berdaulat. Dengan itu pelbagai usaha dan tindakan Sultan beserta dengan para pembesar dan menteri-menteri untuk menyelitkan adat istiadat Diraja dalam pentadbiran negara agar calak Brunei tetap dipertahankan tidak hilang ditelan zaman.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Razak Hassanudin (1979). *Shaer Yang Di-Pertuan*. Monograp Muzium Brunei, Brunei: Muzium Brunei.
- Awang Abd Rahman bin Awang Hassan. **Manuskrip Koleksi Peribadi Teks Agama**, Brunei: Kg Sungai Kedayan B.
- Awang bin Ahmad. (1989). **Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-Tokoh Ugama Masa Lalu**. Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu. 1-3 Jun 1989. Brunei: KHEU.
- L.A Allen (1922). *Report on the State of Brunei for the year 1921*. Malaysia: Federated Malay States Government Printing Office.
- Matussin bin Omar, Dato Paduka. (2003). **Syair Yang Di-Pertuan: Pancaran Sekilas Pandang Sosio-Budaya Brunei**. Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuriyati Yahya, Che Zarrina Sa'ari. (2015) **Sistem Pendidikan Negara Abad ke 21 Brunei Darussalam dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan**, Jurnal Afkar 16 (Januari-Jun).
- Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan, Haji Ismail bin Ibrahim, *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. (1992). Brunei: Muzium Brunei.
- Wawancara Tuan Haji Yaakub, pegawai transliterasi, Pen Borneo Pusat Sejarah Brunei 10 Ogos 2019
- Wawancara Keluarga Haji Damit bin Patih Jalil 15 Ogos 2019
- Yahya Ibrahim. Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Usta Haji Awang (2000). **Sejarah dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja**. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.